

TR: 1:7:64

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
MERASMIKAN KURSUS LATIHAN MUBALIGH ISLAM,
KALI KE DUA DI DARUL ARQAM KUALA LUMPUR
PADA 3 JULAI, 1964

Assalamualaikum warah matulahi-wa-barakatoh, Tuan Yang Di Pertua Pertubuhan Kebajikan Islam Se Malaya, Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Pertubuhan dan tuan-tuan sekalian yang hadir.

Saya terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Pertubuhan Kebajikan Islam Se Malaya kerana memberi saya sebaik-baik peluang untuk berucap dalam majlis ini dan diminta pula merasmikan permulaan Kursus Latihan Mubaligh Islam Yang Kedua Kali.

Tujuan utama dari Pertubuhan Kebajikan Islam Se Malaya seperti yang kita ketahui ialah untuk memberi penerangan dan menyebarkan ilmu pengetahuan mengenai agama Islam. Tujuan ini amatlah penting dan amat besar ertinya kerana Islam adalah agama rasmi negara kita. Tujuan ini juga amat besar harganya dan penting ertinya dalam usaha kita hendak melahirkan perasaan persefahaman yang lebih kuat dan mendalam dalam kalangan berbagai-bagai kaum dan bangsa yang menjadi rakyat dan penduduk negeri ini.

Saya sangat-sangat tertarik hati dan mengucapkan tahniah serta penghargaan yang tinggi terhadap daya utama Pertubuhan ini dalam usahanya mendirikan Darul Arqam, iaitu Pusat Latihan Mubaligh Islam.

Usaha memberi penerangan dan menyebarkan pengetahuan tentang agama makin lama makin menjadi penting dan sukar. Keadaan hidup kita zaman ini makin hari makin diselubungi oleh pengaruh-pengaruh kebendaan. Kepentingan-kepentingan perseorangan dengan sifat menjaga kepentingan diri sendiri makin lama makin mengalahkan sifat-sifat kerjasama dan gotong royong. Perlumbaan untuk maju dalam kehidupan zaman ini meminta seluruh tenaga dan fikiran tiap-tiap orang perseorangan. Oleh sebab itu usaha-usaha penyebaran agama secara sukarela oleh orang-orang perseorangan yang dilakukan pada masa-masa lapangnya tidaklah lagi memadai.

Dalam keadaan yang demikian kita sungguh-sungguh berkehendakan tenaga dan kepintaran yang terlatih dari orang-orang muda yang cergas dan terpelajar untuk menjalankan usaha penyebaran agama itu. Kita berkehendakkan orang-orang muda yang mempunyai keyakinan

dan semangat yang kuat yang dapat menumpukan seluruh fikirannya, tenaganya, ilmu pengetahuannya dan masanya untuk menjalankan usaha itu. Kita berkehendakkan orang-orang muda yang benar-benar mempunyai kepercayaan dan fahaman yang bersih bahawa seluruh hidupnya ialah untuk menegakkan kehendak-kehendak dan ajaran-ajaran agama. Orang-orang muda, yang mewarisi semangat sahabat-sahabat Nabi S.A.W., semangat ulama-ulama dan penganjur-penganjur Islam yang menolak kemewahan dan kesenangan diri sendiri untuk berbakti kepada manusia dan Tuhan.

Dalam zaman teknik dan sains ini bukan sahaja peradaban dan tamadun telah mengubah cara kita hidup dan berfikir tetapi jua telah mengubah kecenderungan hati manusia kepada kesenangan dan kemewahan secara berlebih-lebihan. Hidup kebendaan telah menyelubungi semangat pengorbanan. Hidup lahir makin kaya tetapi kehidupan batin makin miskin. Kehidupan jasmani makin subur tetapi kehidupan rohani makin kurus. Ada kalanya kita dapati orang-orang yang sanggup berderma wang dan barang lebih banyak dari orang-orang yang dapat menderma tenaga, masa dan fikiran. Orang lebih suka menghabiskan masa dan fikiran serta tenaganya untuk mencari wang dan kemewahan daripada berbakti kepada agama dan perikemanusiaan. Orang lebih mudah mendapat nama dan kemegahan dengan mengeluarkan wang daripada mengeluarkan tenaga dan perjuangan.

Sesungguhnya dalam dunia seperti ini tidaklah mudah kita hendak mencari pekerja-pekerja, pejuang-pejuang dan mubahgh-mubaligh suka-rela yang sanggup menghadapi kehebatan pengaruh mata benda dan wang itu. Tambahan pula usaha untuk menarik perhatian umum kepada kepentingan agama dan rohani tidaklah mudah di tengah-tengah dunia yang penuh dengan sinar dan cahaya kebendaan yang melekakan, memabukkan dan menyenangkan.

Walau bagaimanapun di negeri kita ini ada tanda-tanda perhatian umum terhadap agama dan moral dan inilah salah satu daripada peribadi kita yang kuat yang diharapkan dapat menyelamatkan kita dari keruntuhan. Maka perhatian itu sangatlah mustahak dipelihara dan dihidupkan. Dan dalam hal yang demikian mestilah kita berusaha supaya penerangan-penerangan yang mudah dan lengkap tentang agama rasmi negara kita ini dapat diadakan bila-bila masa dan di mana-mana tempat.

Oleh sebab itu saya sungguh-sungguh merasa sukacita, menyambut dan mengalu-alukan usaha-usaha dijalankan oleh Pertubuhan Kebajikan Islam Se Malaya ini. Saya lihat sudah ada tiga buah risalah mengenai Islam telah diterbitkan dalam bahasa China dan Inggeris. Mudah-mudahan penerbitan-penerbitan seperti itu akan bertambah banyak lagi diusaha

dan diterbitkan oleh Pertubuhan ini, ditujukan terutama sekali kepada orang-orang muda yang hidup dan meningkat usia dalam zaman serba kebendaan ini.

Saya terlebih-lebih lagi sukacita dan mengalu-alukan usaha Pertubuhan mendirikan Pusat Latihan Kursus Muballigh Islam yang julung-julung kali dan satu-satunya di seluruh kawasan Asia Tenggara dan Timur jauh ini. Mudah-mudahan Darul Arqam ini akan mengeluarkan pengembang-pengembang Ugama Islam yang cekal, tabah dan berani berkorban dari golongan pemuda (dan juga pemudi kalau dapat pada masa akan datang) yang bertambah-tambah bilangannya dari setahun ke tahun.

Usaha yang dijalankan oleh Pertubuhan ini adalah mendapat sokongan penuh dari Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja serta Perdana Menteri, tetapi Darul Arqam ini sendiri tidaklah dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan. Oleh sebab itu hidup dan majunya bergantunglah kepada bantuan yang tidak boleh putus-putus dari orang ramai serta dari Pejabat-pejabat Ugama atau lain-lainnya. Saya berharap mudah-mudahan bantuan dan sokongan itu hendaklah disumbangkan kepada Darul ini semakin banyak dan semakin besar dari yang sedang berjalan sekarang.

Baharu-baharu ini saya diberi kesempatan mempengerusikan Persidangan Muktamar Islam Sedunia Kawasan Timur Jauh dan Asia Tenggara. Dalam persidangan itu hadir wakil-wakil dari pertubuhan-pertubuhan Islam dari berbagai-bagai negeri dalam kawasan Asia Tenggara ini dan juga kawasan Timur Jauh. Dari perbincangan-perbincangan dalam persidangan tersebut jelas kepada saya bahawa usaha-usaha penyebaran Islam sangat-sangatlah dikehendaki di kawasan ini. Tetapi setakat sekarang hanya Darul Arqam inilah satu-satunya Pusat Latihan Muballigh Islam yang ada bagi seluruh Timur Jauh. Oleh sebab itu menjadi kewajipanlah kepada kita memaju dan menjayakan usaha yang amat penting ini.

Saya mendapat tahu bahawa Pertubuhan Kebajikan Islam Se Malaya telah pun mendapat tanah tapak rumah di Petaling Jaya untuk mendirikan bangunan tetap bagi Darul Arqam ini. Saya dapat tahu juga bangunan tersebut akan didirikan seberapa cepat yang boleh. Maka sekali lagi saya mengalu-alukan langkah itu dengan harapan akan mendapat kejayaan secepat-cepatnya. Kalau kiranya usaha ini merupakan projek perusahaan atau kilang maka sudah tentu saya tidak akan teragak-agak mencadangkan supaya ia diberi taraf perintis (pioneer status).

Akhirnya saya suka menyatakan bahawa berat biasanya tertanggung pada bahu orang-orang yang mengambil bahagian pada peringkat permulaan dan percubaannya. Maka saya dengan besar hati mengucapkan

tahniah kepada Ustaz Muhammad Taqyuddin Kandil, Pengarah Pusat Latihan ini, terutama sekali kerana daya usaha dan daya utama yang ditunjukkannya dalam mewujudkan dan menghidupkan Pusat Latihan ini.

Kepada mereka yang telah berjaya dan lulus dalam kursus pertama yang telah berjalan selama satu tahun yang lalu dan yang sekarang bersedia untuk mengamalkan segala latihan dan pelajaran yang telah mereka peroleh dari Pusat ini, saya suka mengingatkan bahawa mereka adalah memikul nama baik dan kehormatan pusat latihan ini. Saya harap mereka sentiasa mengingati hal yang penting itu. Pekerjaan sebagai mubaligh meminta kesabaran dan perkhidmatan yang tekun lagi cecal maka saya doakan mudah-mudahan mereka sentiasa mendapat rahmat dan hidayat dari Tuhan dalam menjalankan pekerjaan yang berat itu. Saya ucapkan tahniah kepada semua yang mendapat kesempatan menerima latihan di Darul Arqam ini kerana latihan ini adalah satu-satunya yang boleh didapati dengan tidak payah mengeluarkan bayaran.

Sekarang dengan sukacitanya saya menyatakan Kursus Latihan Mubaligh Islam Kali Kedua ini dibuka dengan rasminya.